


# TNB Renewables jalin kerjasama dengan Sunseap

**PETALING JAYA** - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menerusi anak syarikat miliknya, TNB Renewables Sdn. Bhd. (TNB Renewables) telah memeterai 'binding term sheet' bagi kerjasama dengan Sunseap Group (Sunseap) yang berpusat di Singapura untuk meneroka pasaran tenaga boleh baharu (RE) dan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) Korporat di Singapura.

Sunseap adalah salah satu daripada syarikat pembung solar terkemuka di Asia Tenggara dan syarikat solar terbesar di Singapura.

Ia mempunyai kapasiti bersih 1.2 gigawatt (GW) di 11 pasaran dan lebih daripada 200 aset dalam pelbagai peringkat pembangunan selain mempunyai rekod memeterai PPA Korporat jangka panjang dengan pelanggan terkemuka seperti Microsoft dan Facebook.

Portfolio keseluruhan RE TNB pula adalah 2,732.3 megawatt (MW) di Malaysia dan 666MW di



**PORTFOLIO keseluruhan RE TNB adalah sebanyak 2,732.3 megawatt di Malaysia.** - GAMBAR HIASAN

United Kingdom, Turki dan India yang kebanyakannya melibatkan aset penjana tenaga solar, an-



**BAHARIN**

Din berkata, kerjasama tersebut merupakan usaha pertama TNB untuk meneroka pasaran tenaga boleh baharu di Singapura dan ia meletakkan kedua belah pihak pada kedudukan terbaik bagi memanfaatkan segmen PPA Korporat yang sedang berkembang pesat.

"Kerjasama ini juga tepat pada masanya, memandangkan jangkakan pelancaran tender oleh

Pihak Berkuasa Pasaran Tenaga Singapura bagi percubaan penyaluran bekalan tenaga rentas sempadan Malaysia, Singapura menjelang Mac 2021," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Selain itu, Baharin turut menyifatkan kerjasama tersebut adalah penting untuk mencapai matlamat Kumpulan untuk meluaskan portfolio keseluruhan REnya kepada 8,300MW menjelang 2025.

"Berikutan kejayaan pelaburan kami dalam perniagaan di UK menerusi Vortex Solar dan Tenaga Wind Ventures, kerjasama bersama Sunseap adalah langkah penting untuk meneruskan strategi peluasan penajaan RE di peringkat antarabangsa.

"Kerjasama ini menyediakan platform yang kukuh dengan kepayaan, kapasiti serta jaringan untuk memacu perkembangan perniagaan tenaga boleh baharu dan utiliti kami di Asia Tenggara," jelasnya.